



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(34)
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 07/06/2016

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SIRI 2/2016

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN** : **PEGAWAI TADBIR GRED N48
(PENGURUS PEMASARAN & PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN)**
- (b) **PENEMPATAN:** Perkhidmatan Persijilan Produk, Keluaran Hutan
- (c) **TARAF
JAWATAN** : Kontrak
- (d) **JADUAL GAJI:** RM 5,118.00 (Minimum) – RM 11,634.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN
GAJI TAHUNAN:** RM 270.00
- (f) **IMBUHAN :**
 - (i) Tetap Keraian : RM 550.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM 700.00
 - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM 300.00

(g) SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (ii) terdiri daripada warganegara;
- (iii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(h) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(i) SYARAT TAMBAHAN

- (i) Calon haruslah mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang pemasaran/penjualan;
- (ii) Berkemampuan dalam menjalankan kajian pasaran, pengurusan, kewangan, statistik dan ekonomi;
- (iii) Berpengalaman dalam merancang, menyediakan dan melaksanakan pelan strategi serta memenuhi KPI yang ditetapkan;
- (iv) Fasih berbahasa dan mahir dalam penulisan sekurang-kurangnya dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

(j) SKOP TUGAS

- (i) Mengenalpasti prospek yang berpotensi untuk menjadi pelanggan FRIM PCS;
- (ii) Mengenalpasti dan membuat cadangan perniagaan kepada rakan kongsi yang berpotensi yang boleh memberikan keuntungan;
- (iii) Memastikan setiap aktiviti yang dianjurkan oleh syarikat mendapat sambutan;
- (iv) Merancang aktiviti promosi syarikat untuk menarik minat pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan pensijilan produk FRIM PCS;
- (v) Mengenalpasti dan mendapatkan peluang perniagaan yang berkaitan dengan pensijilan FRIM PCS;
- (vi) Bekerjasama dengan rakan setugas/kontraktor dalam membangunkan sebarang aktiviti pengiklanan, promosi, media sosial dan perhubungan awam;
- (vii) Membangunkan bahan-bahan jualan *sell sheets, brochures, catalog & order forms*.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 24 Jun 2016 (Jumaat)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Kotak:No. Dokumen: 10189310